

Perceived Ease of Use, Perceived Usefulness and Attitude of Transition Students in Petaling Perdana District towards The Use of Apps Tele-Marz New Normal Learning Style of Malay Language

Marzni Mohamed Mokhtar¹, Azrin Shah Abu Bakar², Nour Syafiqah Abu Kashim³, Sufi Firdaus Fakhurrazey⁴, Norliza Ghazali⁵, Mas Nida Md. Khambari⁶, Fadzilah Abd Rahman⁷, & Ismi Arif Ismail⁸

^{1,3,5,6,7,8}Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia, ²Institute for Social Science Studies, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia, ⁴Faculty of Computer Science and Information Technology, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia
Email: marzni@upm.edu.my

To Link this Article: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v13-i12/20383> DOI:10.6007/IJARBS/v13-i12/20383

Published Date: 25 December 2023

Abstrak

Pandemik Covid-19 yang melanda dunia termasuklah Malaysia telah mengubah landskap pendidikan dalam penyampaian pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) daripada kaedah tradisional kepada dalam talian. Mata pelajaran bahasa Melayu merupakan subjek teras yang wajib dipelajari oleh murid pada peringkat sekolah menengah merangkumi kemahiran bahasa melibatkan kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis serta dua aspek lain iaitu aspek seni Bahasa dan tatabahasa. Walau bagaimanapun, murid peralihan di sekolah dikenal pasti sebagai murid yang paling lemah dalam menguasai Bahasa Melayu dalam aspek penulisan, pembacaan dan pertuturan. Kaedah pembelajaran konvensional yang menggunakan bahan bantu belajar seperti nota bertulis atau buku kurang berkesan bagi menarik perhatian murid peralihan semasa PdPc berlangsung kerana kandungan isi pelajaran Bahasa Melayu yang tidak dapat dipadankan dengan audio, visual atau audio-visual secara mudah alih. Justeru, satu aplikasi yang dikenali sebagai *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* telah dihasilkan bagi menangani isu tersebut. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji tanggapan kemudahan penggunaan, tanggapan kebergunaan dan sikap terhadap penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran*

Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan murid kelas peralihan. Seramai 70 responden, dipilih melalui teknik pensampelan rawak kelompok yang melibatkan murid kelas peralihan sekolah menengah kebangsaan di Petaling Perdana, Selangor. Tinjauan keratan rentas dan soal selidik berstruktur digunakan untuk pengumpulan data kajian. Data diperoleh melalui borang soal selidik menunjukkan bahawa skor min tanggapan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*) ialah 3.643 dengan sisihan piawai .722; skor min tanggapan kebergunaan (*perceived usefulness*) ialah 3.491 dengan sisihan piawai .725, dan skor min sikap terhadap penggunaan (*attitude toward using*) ialah 3.420 dengan sisihan piawai .674. Dapatan kajian ini memberikan gambaran bahawa respon murid adalah positif terhadap ketiga-tiga konstruk yang digunakan dalam kajian. Kesimpulannya, *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* berpotensi dilaksanakan dalam membantu murid peralihan menguasai kemahiran berbahasa Melayu.

Kata Kunci: Apps Tele-Marz, Gaya Pembelajaran, Norma Baharu, Bahasa Melayu, Kelas Peralihan, Tanggapan Kemudahan Penggunaan, Tanggapan Kebolegunaan, Sikap Penggunaan.

Abstract

The Covid-19 pandemic that hit the world including Malaysia has changed the educational landscape in the delivery of learning and facilitation (PdPc) from traditional methods to online. The Malay language subject is a core subject that must be studied by students at the secondary school level, including language skills involving oral skills, reading skills and writing skills as well as two other aspects, namely the aspects of literature and grammar. However, transition students at school are identified as the weakest students in mastering Malay in terms of writing, reading and speaking. Conventional learning methods that use learning aids such as written notes or books are less effective in attracting the attention of transition students during PdPc due to the content of Malay lessons that cannot be matched with audio, visual or mobile audio-visual. Therefore, an application known as Tele-Marz Apps, the New Norm Malay Language Learning Style has been produced to deal with the issue. In general, this study aims to examine the perception of ease of use, perception of usefulness and attitude towards the use of Tele-Marz Apps of the New Malay Norm Learning Style among transitional class students. A total of 70 respondents were selected through a cluster random sampling technique involving students in the transition class of the public high school in Petaling Perdana, Selangor. A cross-sectional survey and a structured questionnaire were used for data collection. Data obtained through a questionnaire shows that the mean score of perceived ease of use is 3.643 with a standard deviation of .722; the mean score of perceived usefulness is 3.491 with a standard deviation of .725, and the mean score of attitude towards using is 3.420 with a standard deviation of .674. The findings of this study give an impression that the students' response is positive towards the three constructs used in the study. In conclusion, the Tele-Marz Application: The New Norm Learning Style of the Malay Language has the potential to be implemented in helping transition students master Malay language skills.

Keywords: Tele-Marz App, New Norm, Learning Style, Malay Language, Transition Class, Perceived Ease of Use, Perceived Use, Attitude

Pengenalan

Impak pandemik wabak koronavirus atau Coronavirus 2019 (Covid-19) ternyata telah menyaksikan pelbagai perubahan dalam kehidupan rakyat Malaysia dari kebiasaan seperti

penjagaan kesihatan diri, amalan kebersihan, cara bekerja dan belajar serta persekitaran yang bersih demi memastikan kesihatan terjamin, kesejahteraan dan membendung penularan wabak. Pandemik Covid-19 telah memberi impak besar kepada pelbagai sektor termasuklah pendidikan. Ekoran berlakunya ancaman pandemik Covid-19 dalam tempoh 2020 hingga 2022, kaedah PdPc secara tradisional atau konvensional yang sedia ada secara bersemuka didapati kurang sesuai dilaksanakan, sekali gus menggantikan pelaksanaan pembelajaran dalam talian (Chung et al., 2020).

Kurikulum yang holistik dan sentiasa relevan dapat melahirkan modal insan seimbang yang seterusnya dapat menangani cabaran semasa dan masa depan. Hal ini kerana kurikulum pendidikan yang semakin berkembang perlu sentiasa seiring dengan mengikuti peredaran zaman demi memastikan murid yang dikeluarkan bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan, malah menguasai kemahiran abad ke-21 dalam menghadapi era globalisasi pada masa kini. Justeru, dalam mendepani cabaran globalisasi, rakyat Malaysia bukan sahaja perlu dilengkapi dengan asas pendidikan dan latihan yang kukuh, di samping itu perlu menguasai pelbagai kemahiran umum termasuk kebolehan berkomunikasi dan menguasai bahasa (Azalya, 2003). Ini turut disokong oleh Wahid dan Samah (2019), penggunaan teknologi dan komunikasi berpotensi membawa kepada perubahan dan kemampuan teknologi tanpa batasan. Dalam konteks pendidikan pascapandemik, para guru dituntut mengamalkan norma baharu dengan menggunakan kemudahan teknologi dan ke arah pendigitalan dunia pendidikan menggunakan kemudahan teknologi. Malah, ia bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha mengangkat pendidikan bertaraf dunia sebagai wacana dalam dasar pendidikan negara dan meletakkan proses pendidikan sebagai satu bidang yang penting dalam kehidupan seharian khususnya di sekolah-sekolah yang berfungsi sebagai satu institusi perkembangan ilmu (Mashira et al., 2019).

Melalui transformasi kaedah penyampaian berbantuan teknologi ini secara tidak langsung dapat menjadikan proses PdPc lebih menarik dan menyeronokkan yang boleh diaplikasikan di dalam bilik darjah. Keistimewaan pembelajaran dalam talian ini ternyata banyak memberikan manfaat dan faedah kepada sektor pendidikan dengan membentuk pengetahuan melalui pemilihan teknik atau kaedah PdPc yang lebih menarik dan berkesan dalam proses PdPc. Lebih-lebih lagi, pendidikan Bahasa Melayu menuntut usaha guru menjadikan pendidikan Bahasa Melayu berkualiti yang memerlukan kepada pencapaian standard Bahasa Melayu dalam penguasaan kemahiran yang melibatkan kemahiran lisan, kemahiran membaca dan kemahiran menulis serta dua aspek lain iaitu aspek seni bahasa dan aspek tatabahasa yang perlu diajar dan dipelajari oleh setiap murid (Peng & Hamad, 2018).

Oleh itu, dengan kehadiran teknologi dalam pendidikan dijangka dapat memberikan perubahan dan penambahbaikan dalam kaedah pembelajaran yang bersesuaian (Junaidi & Jailani, 2010). Hal ini kerana proses PdPc tidak lagi semestinya berlaku secara bersemuka, yang mana guru boleh menggunakan platform pembelajaran dalam talian untuk pengajaran, berinteraksi dengan pelajar dan memberi latihan secara maya. Malah, ramai murid kini telah mempunyai akses kepada peralatan teknologi di rumah. Perkembangan dalam teknologi ini secara tidak langsung membolehkan murid-murid belajar di mana-mana sahaja pada bila-bila masa tanpa bergantung sepenuhnya pada buku atau pengajaran di dalam bilik darjah. Ini disokong oleh Basilaia et al. (2020) menyatakan bahawa pelbagai perkara boleh dilakukan bagi pembelajaran dalam talian seperti persidangan video bersama ramai murid, perbincangan bersama murid dan pengajaran dapat dicapai melalui telefon mudah alih mahupun komputer riba. Menyedari kepada keperluan dalam perubahan dalam

PdPc, adalah digalakkan untuk memperbaiki kandungan kurikulum, amalan pengajaran, proses pentaksiran alternatif dengan menggunakan aplikasi yang sesuai, mudah diguna pakai, menarik dan menjimatkan kos.

Keperluan Pembangunan Media Pengajaran Berbantuan Teknologi Baharu Sebagai Tarikan Pedagogi Murid Peralihan

Pada abad ke-21, kaedah PdPc secara berkesan merupakan faktor utama yang perlu diambil kira oleh guru dalam menentukan kualiti pembelajaran kepada pelajar. Menurut Wijaya et al. (2020) menjelaskan bahawa aktiviti pembelajaran merupakan satu cara untuk para pendidik memberikan kepada murid mencapai hakikat proses pembelajaran dengan pelbagai cara yang dilakukan dalam proses kegiatan pembelajaran seperti membaca, melihat, dan mendengar dengan tujuan untuk mencapai kegiatan pembelajaran tersebut. Tambahan pula, mata pelajaran Bahasa Melayu memerlukan usaha dan peranan guru dalam memartabatkan Bahasa Melayu dengan memastikan murid-murid mempelajari dan menguasai kemahiran berbahasa yang melibatkan kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Namun begitu, murid peralihan di sekolah didapati lemah dalam menguasai Bahasa Melayu dalam aspek pertuturan, pembacaan, dan penulisan. Kaedah pembelajaran tradisional sedia ada yang menggunakan nota bertulis atau buku didapati kurang berkesan dan tidak berupaya mengekalkan menarik perhatian murid untuk mempelajari mata pelajaran Bahasa Melayu (Nurhijrah et al., 2019). Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan mereka mempunyai harga diri, sikap, minat dan motivasi yang rendah bagi mempelajari dan menguasai bahasa Melayu yang mana memerlukan galakan daripada individu lain, penggunaan bahan atau alat bantu mengajar yang berkesan dan menarik sama ada disediakan oleh guru, pihak sekolah, ibu bapa atau komuniti setempat.

Selain itu, sorotan literatur mendapati bahawa murid-murid kelas peralihan cenderung mempunyai sikap yakin dan selesa menggunakan bahasa ibunda khususnya dalam perhubungan harian berbanding bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan (Farid & Ajid, 1981; Ajib, 1990; Zamri et al., 2005). Hal ini pastinya menyebabkan proses PdPc Bahasa Melayu menjadi sukar dilaksanakan dengan efektif di dalam bilik darjah. Kajian oleh Abdul Rasid Jamian (2001) mendapati, masalah penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid peralihan adalah disebabkan oleh anggapan mereka yang menyatakan Bahasa Melayu adalah sukar dan mengelirukan serta sikap yang tidak memberikan tumpuan ketika guru mengajar. Kajian juga mendapati kebanyakan pelajar bukan Melayu sering menghadapi masalah memahami pengajaran guru Bahasa Melayu. Terdapat 70% pelajar bukan Melayu yang mengatakan bahawa mereka tidak memahami apa yang telah diajar oleh guru Bahasa Melayu kerana mereka tidak faham apa yang cuba disampaikan oleh guru (Nurhijrah et al., 2019). Selain itu, terdapat juga isu yang terkait dengan guru-guru kelas peralihan. Guru-guru ini berhadapan dengan isu pemilihan dan pengaplikasian strategi pengajaran yang sesuai dan memberikan perhatian kepada pembelajaran berpusatkan murid (Mohamed & Zulkafali, 2019). Guru kelas peralihan juga dibebankan dengan tanggungjawab lain yang telah menyebabkan mereka menjadi sukar untuk menyediakan pelbagai jenis sumber bahan di dalam bilik darjah (Seman et al., 2018). Kekangan sebegini menyebabkan guru memerlukan kepada alat bantu mengajar yang mudah, menarik dan berkesan sebagai alat bantu mengajar dalam amalan pengajaran mereka untuk menyampaikan kandungan pelajaran dalam kelas yang berupaya menarik minat murid dan mengekalkan perhatian murid di dalam bilik darjah.

Potensi teknologi telah memberikan peluang berlakunya penghijrahan baharu dalam cara individu mencari ilmu, mengajar, mencari, memperoleh, mengaplikasikan dan

menyesuaikan maklumat yang diperoleh (Nor Shela & Mohd Shafie, 2019) Justeru, keistimewaan pembelajaran menggunakan teknologi ini ternyata banyak memberikan manfaat dan faedah kepada kelas peralihan dalam membentuk pengetahuan melalui pemilihan teknik atau kaedah PdPc yang sesuai, menarik dan berkesan. Malah, ini secara tidak langsung dapat mengatasi kekurangan pembelajaran secara tradisional yang sedia ada (Wahid & Samah, 2019). Bahkan dengan adanya transformasi tersebut, kebergantungan kepada teknologi dapat memenuhi hasrat KPM pembudayaan teknologi dalam PdPc sebagai satu agenda baharu yang perlu dikuasai oleh para guru. Usaha ini juga diharap dapat menjadi faktor penarik minat dan perhatian murid-murid peralihan dalam proses PdPc (Craig, 2007) serta berpotensi dalam memudahkan proses penguasaan kandungan pembelajaran murid dalam kelas peralihan (Dillenbourg dan Fischer, 2007).

Di Malaysia, didapati bahawa trend semasa memperlihatkan penggunaan aplikasi mudah alih atau biasa dirujuk sebagai *Mobile Apps* mula berkembang pesat dalam industri sistem maklumat (Eddy, 2011). *Mobile Apps* merupakan sebuah program yang boleh dimuatkan ke dalam peranti atau gajet mudah alih serta dapat digunakan pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja dan sesiapa sahaja (Md. Rashedul et al., 2010). Untuk mengatasi masalah kesulitan PdPc, penggunaan Aplikasi Peluasan Realiti atau *Augmented Reality* (AR) dan Realiti Maya atau *Virtual Reality* (VR) adalah mudah untuk dikendalikan oleh murid dan ramai orang dengan hanya perlu menggunakan *Android* yang membolehkan pengguna mengalami objek maya sebagai tapak pempamer atau paparan imej AR dan VR. Namun begitu, hanya sebahagian pengamal sistem Bahasa Melayu yang mengimplementasikan PdPc menggunakan VR dan AR dalam penyelesaian alternatif untuk menyediakan amalan pembelajaran baharu yang menyeronokkan bagi menarik minat murid dalam merasai suasana seperti di dalam kelas ketika PdPc bersemuka berlangsung yang mana memerlukan murid mengendalikan pembelajaran secara sendiri tanpa adanya bimbingan guru dalam memotivasikan kepada murid.

Antaranya, Hafiza dan Halimah (2011) mendapati bahawa pengaplikasian AR dalam pembelajaran bahasa, sama ada dalam atau luar negara masih amat kurang, terutama dalam kalangan murid pemulihan Bahasa Melayu Tahap Satu. Roslinda dan Halimah (2011) pula melaksanakan kajian berkaitan pengaplikasian AR bagi membantu murid sekolah rendah dari Tahun Satu hingga Tahun Enam yang mempunyai *sindrom-down* belajar membaca. Saforrudin et al. (2012) pula memberikan perhatian kepada kajian berkaitan tahap kesedaran para guru terhadap penggunaan teknologi AR dalam PdPc Bahasa Melayu. Penggunaan teknologi AR dan VR adalah disyorkan sebagai inovasi bahan bantu belajar bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid peralihan seiring dengan kemajuan teknologi dalam bidang pendidikan. Inisiatif ini pastinya membuka peluang dan ruang yang bermakna bagi menyediakan suasana pembelajaran yang realistik, autentik, menarik, menimbulkan perasaan seronok (Kirkley & Kirkley, 2004) serta dapat meningkatkan kemahiran belajar bagi murid-murid yang berhadapan dengan isu pembelajaran di dalam bilik darjah (Yelland et al., 1997).

Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model/ Tam*)


Beberapa kajian empirikal telah menjadikan Model TAM oleh Davis (1989) sebagai peramal penting untuk menentukan tahap kepuasan pengguna teknologi (Yeh dan Li, 2009). Model Penerimaan Teknologi (*Technology Acceptance Model, TAM*) merupakan model yang dibina untuk menganalisis dan memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan sistem informasi oleh Fred Davis pada tahun 1986 (Davis, 1986). TAM diasaskan daripada *Theory of*

Reasoned Action (TRA) yang digagaskan oleh Ajzen dan Fishbein (1980) dalam Niela Ramdhani (2009). Dalam kajian ini, tiga pemboleh ubah tidak bersandar telah diadaptasikan daripada Model TAM iaitu (i) tanggapan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*); (ii) tanggapan kebergunaan (*perceived usefulness*); dan (iii) sikap dalam menggunakan (*attitude toward using*) seperti yang dicadangkan dalam Davis (1989). Ini kerana persepsi kemudahan penggunaan dan kebergunaan mempengaruhi sikap terhadap kebolehgunaan (Nur'Ainy et al., 2013).

Pengaplikasian model dalam kajian ini adalah untuk membantu pengkaji meneliti faktor-faktor utama penerimaan teknologi berdasarkan kepada perilaku murid (Davis, 1986). Model ini terdiri daripada enam komponen utama yang akan diteliti bagi penerimaan murid terhadap teknologi iaitu: (i) pemboleh ubah dari luar (*external variable*); (ii) tanggapan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*); (iii) tanggapan kebergunaan (*perceived usefulness*); (iv) sikap dalam menggunakan (*attitude toward using*); (v) perilaku untuk menggunakan (*behavioral intention to use*); dan (vi) pemakaian nyata (*actual system usage*) seperti Rajah 1. Davis (1986) menjelaskan bahawa tanggapan kemudahan penggunaan mempunyai kesan ke atas tanggapan kebolehgunaan. Niat tingkah laku untuk menggunakan sistem ditentukan secara langsung oleh kebarangkalian subjektif seseorang (dalam konteks ini murid kelas peralihan) bahawa menggunakan aplikasi tertentu akan meningkatkan prestasi kerjanya (tanggapan kebolehgunaan). Sikap dan persepsi kemanfaatan juga dipengaruhi oleh tahap yang mana bakal pengguna mengharapkan sistem itu bebas daripada usaha (tanggapan kemudahan penggunaan) dan kesan kebolehgunaan terhadap penggunaan sistem.

Tanggapan kemudahan penggunaan diertikan sebagai ukuran terhadap kepercayaan seseorang individu bahawa komputer mudah difahami dan digunakan (Agus Siswoyo & Bambang Setyobudi Irianto, 2023). Selanjutnya, tanggapan kebergunaan sesebuah teknologi merujuk kepada ukuran terhadap kepercayaan seseorang individu bahawa penggunaan suatu teknologi akan mendatangkan manfaat bagi orang yang menggunakannya (Agus Siswoyo & Bambang Setyobudi Irianto, 2023). Komponen sikap dalam menggunakan pula difahami sebagai sikap penerimaan atau penolakan pengguna sewaktu menggunakan suatu teknologi. Kemudiannya, perilaku untuk menggunakan (*behavioral intention to use*) pula didefinisikan sebagai kelaziman sikap untuk terus menggunakan sesuatu teknologi (Agus Siswoyo & Bambang Setyobudi Irianto, 2023). Pemakaian nyata pula dikonsepskan dalam bentuk pengukuran terhadap frekuensi dan jangka waktu penggunaan teknologi.

Dalam konteks kajian ini, murid, tanggapan kemudahan penggunaan pula adalah mengenai kepercayaan murid kelas peralihan menggunakan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* tanpa memerlukan pemahaman yang kompleks. Tanggapan kebolehgunaan pula diteliti melalui tanggapan murid kelas peralihan terhadap penggunaan aplikasi ini akan meningkatkan pemahaman murid terhadap penguasaan kemahiran berbahasa atau akan meningkatkan proses pembelajaran mereka semasa menggunakan aplikasi ini. Manakala, sikap merujuk kepada sikap murid kelas peralihan terhadap penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu*.



Rajah 1: Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif. Penggunaan soal selidik sebagai instrumen bagi kajian ini bertujuan mendapatkan apa yang diukur melalui penyediaan data dalam bentuk nombor (Creswell, 2008) serta dapat menunjukkan maklumat secara menyeluruh, perbezaan, dan dapatan kesan-akibat. Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* dalam kalangan murid kelas peralihan di daerah Petaling, Perdana, Selangor.

Objektif Khusus Kajian

- i. Mengenal pasti tanggapan kemudahan penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* dalam kalangan murid kelas peralihan di daerah Petaling Perdana, Selangor.
- ii. Mengenal pasti tanggapan kebergunaan penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* dalam kalangan murid kelas peralihan di daerah Petaling Perdana, Selangor.
- iii. Mengenal pasti sikap penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* dalam kalangan murid kelas peralihan di daerah Petaling Perdana, Selangor.

Reka bentuk penyelidikan tinjauan digunakan bagi menjawab ketiga-tiga objektif kajian penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Norma Pembelajaran Baharu Bahasa Melayu* dalam kalangan murid peralihan Bahasa Melayu. Seramai 70 orang responden terdiri daripada murid kelas peralihan di tiga buah sekolah di daerah Petaling Perdana, Selangor telah melibatkan diri dalam kajian ini. Selangor dipilih kerana Negeri Selangor merupakan negeri berkepadatan penduduk tertinggi di Malaysia dan mencapai tahap urbanisasi 100% (Jabatan Perangkaan Banci Malaysia, 2010).

Dalam kajian ini, instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang terdiri daripada empat bahagian. Kandungan soal selidik ini ialah (i) Bahagian A: Maklumat Demografi Responden; (ii) Bahagian B: Tanggapan Kemudahan Penggunaan; (iii) Bahagian C: Tanggapan Kebergunaan; dan (iv) Bahagian D: Sikap terhadap Penggunaan. Item-item dalam instrumen ini telah diadaptasi daripada instrumen yang telah disahkan sebelumnya (Davis, 1989). Jumlah item adalah sebanyak 20 item dan diukur dengan menggunakan skala *Likert* antara 1 (Sangat Tidak Setuju) hingga 5 (Sangat Setuju). Satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 15 murid bagi menentukan kebolehpercayaan instrumen kajian ini. Nilai kebolehpercayaan asal instrumen ini ialah $\alpha .95$.

Dapatan Kajian

Analisis data bertujuan untuk menjawab dan memenuhi objektif kajian. Statistik deskriptif digunakan dalam kajian bagi mendapatkan frekuensi, peratusan, nilai min dan sisihan piawai bagi penentuan demografi responden. Ketiga-tiga objektif bertujuan untuk mengenal pasti tanggapan kemudahan penggunaan, kebolegunaan dan sikap terhadap penggunaan *Apps Tele-Marz Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* dalam kalangan murid kelas peralihan di daerah Petaling Perdana, Selangor.

(i) Latar Belakang Demografi Responden (Sekolah dan Jantina)

Jadual 1 menunjukkan tiga buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Keputusan analisis menunjukkan lebih daripada separuh responden yang terlibat adalah pelajar daripada SMK A 45 orang (64.3%) responden; dan 17 orang (24.3%); responden adalah daripada pelajar SMK B. Manakala, hanya lapan orang (11.4%) responden adalah daripada pelajar SMK C.

Jadual 2

Taburan Responden Berdasarkan Sekolah

Nama Sekolah	Kekerapan	Peratus (%)
SMK A	45	64.3
SMK B	17	24.3
SMK C	8	11.4
Jumlah	70	100

Jadual 2 menunjukkan taburan responden berdasarkan jantina. Analisis menunjukkan lebih daripada separuh responden adalah pelajar lelaki iaitu seramai 45 orang (64.3%) responden. Manakala, 25 orang (35.7%) responden adalah pelajar perempuan.

Jadual 3

Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
Lelaki	45	64.3
Perempuan	25	35.7
Jumlah	70	100

(ii) Tanggapan Kemudahan Penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan

Skor min tanggapan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*) penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan murid kelas peralihan ialah 3.643 dengan sisihan piawai .722. Dapatan kajian menunjukkan hanya dua item sahaja yang berada pada tahap tinggi. Item ini terdiri daripada item sejauh mana Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu mudah untuk responden berinteraksi sesama rakan semasa aktiviti PdPc (Min = 3.70; SP = 1.068). Seterusnya, adalah item berkaitan sejauh mana responden merasakan mereka mudah menjadi mahir mengintegrasikan teknologi imersif (Realiti Peluasan / Realiti Maya dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc (Min = 3.69; SP = .894) seperti Jadual 4.

Jadual 4

Tanggapan Kemudahan Penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
Saya mudah untuk mengendalikan Aplikasi Tele-Marz semasa mengikuti aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).	5 (7.1%)	14 (20.0%)	23 (32.9%)	11 (15.7%)	17 (24.3%)	3.30	1.244
Saya mudah untuk mengulang kaji kandungan aktiviti PdPc dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz.	2 (2.9%)	15 (24.1%)	23 (32.9%)	14 (20.0%)	16 (22.9%)	3.39	1.146
Saya mudah untuk memuat turun Aplikasi Tele-Marz sama ada di peranti atau laman web bagi mengikuti aktiviti PdPc.	1 (1.4%)	8 (11.4%)	32 (45.7%)	14 (20.0%)	15 (21.4%)	3.49	1.004
Saya mudah untuk berinteraksi sesama rakan dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	1 (1.4%)	9 (12.9%)	20 (28.6%)	20 (28.6%)	20 (28.6%)	3.7	1.068
Saya mudah untuk berinteraksi secara fleksibel dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	2 (2.9%)	6 (8.6%)	33 (47.1%)	14 (20.0%)	15 (21.4%)	3.49	1.018
Saya mudah untuk mengintegrasikan bahan pengajaran yang lain dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	4 (5.7%)	10 (14.3%)	26 (37.1%)	16 (22.9%)	14 (20.0%)	3.37	1.132
Saya mudah menjadi mahir belajar Bahasa Melayu dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	0 (0.0%)	8 (11.4%)	33 (47.1%)	12 (17.1%)	17 (24.3%)	3.54	0.988
Saya mudah menjadi mahir mengintegrasikan teknologi imersif (Realiti Peluasan / Realiti Maya) dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	1 (1.4%)	2 (2.9%)	30 (42.9%)	22 (31.4%)	15 (21.4%)	3.69	0.894
Saya mudah memahami kandungan pembelajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	4 (5.7%)	6 (8.6%)	28 (40.0%)	18 (25.7%)	14 (20.0%)	3.46	1.086

(iii) **Tanggapan Kebergunaan Penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan**

Skor min tanggapan kebergunaan (*perceived usefulness*) Penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan ialah 3.491 dengan sisihan piawai .725. Dapatan kajian menunjukkan lima item berada pada tahap tinggi. Item ini terdiri daripada tanggapan responden bahawa Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan untuk menyelesaikan latihan pembelajaran Bahasa Melayu (Min= 3.74, S.P.= 1.270); tanggapan responden bahawa Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan dikendalikan bagi aktiviti PdPc secara berkumpulan (Min= 3.80, S.P.=.926); tanggapan responden bahawa Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan menerusi pengintegrasian dengan bahan pengajaran yang lain (Min=.3.79, S.P.= 1.062); tanggapan responden bahawa Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan bagi penjimatan kos pentadbiran bahan pengajaran (Min=3.77, S.P.= 1.092); dan tanggapan responden bahawa Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan bagi meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dalam PdPc (Min=3.74, S.P.= 1.045) seperti yang terdapat dalam Jadual 5.

Jadual 5

Tanggapan Kebergunaan Penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan untuk menyelesaikan latihan pembelajaran Bahasa Melayu.	6 (8.6%)	5 (7.1%)	16 (22.9%)	17 (24.3%)	26 (37.1%)	3.74	1.270
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan untuk meningkatkan pemahaman kandungan isi pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).	0 (0.0%)	9 (12.9%)	32 (45.7%)	14 (20.0%)	15 (21.4%)	3.50	0.974
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan dikendalikan bagi aktiviti PdPc secara individu.	1 (1.4%)	7 (10.0%)	31 (44.3%)	16 (22.9%)	15 (21.4%)	3.53	0.989
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan dikendalikan bagi aktiviti PdPc secara berkumpulan.	0 (0.0%)	4 (5.7%)	26 (37.1%)	20 (28.6%)	20 (28.6%)	3.80	0.926
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan menerusi pengintegrasian dengan bahan pengajaran yang lain.	2 (2.9%)	4 (5.7%)	24 (34.3%)	17 (24.3%)	23 (32.9%)	3.79	1.062
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan bagi penjimatan kos pentadbiran bahan pengajaran.	2 (2.9%)	6 (8.6%)	21 (30.0%)	18 (25.7%)	23 (32.9%)	3.77	1.092
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan bagi meningkatkan prestasi	3 (4.3%)	3 (4.3%)	22 (31.4%)	23 (32.9%)	19 (27.1%)	3.74	1.045

pencapaian pelajar dalam PdPc.							
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu.	3 (4.3%)	9 (12.9%)	25 (35.7%)	17 (24.3%)	16 (22.9%)	3.49	1.113
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz berkesan menarik perhatian murid mengikuti pembelajaran Bahasa Melayu.	8 (11.4%)	5 (7.1%)	23 (32.9%)	17 (24.3%)	17 (24.3%)	3.43	1.258

(iv) Tanggapan Sikap terhadap Penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan

Skor min sikap terhadap penggunaan (*attitude toward using*) Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan ialah 3.420 dengan sisihan piawai .674. Dapatan kajian menunjukkan item yang amat dipersetujui ialah “Penggunaan Aplikasi Tele-Marz semasa mengikuti aktiviti PdPc merupakan suatu inovasi pengajaran yang baik” (M= 3.63, S.P.= 1.144) dan diikuti dengan item “Saya suka menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc dengan bimbingan guru” (M= 3.61, S.P.=1.026). Manakala, skor min yang paling rendah adalah pada item “Saya tidak suka mengikuti aktiviti PdPc yang tidak menggunakan bahan pengajaran” (M = 2.99, S.P.= 1.161) seperti dalam Jadual 6.

Jadual 6

Sikap Terhadap Penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Kelas Peralihan

Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min	Sisihan Piawai
Saya suka menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).	7 (10.0%)	8 (11.4%)	20 (28.6%)	12 (17.1%)	23 (32.9%)	3.51	1.327
Saya suka menggunakan Aplikasi Tele-Marz yang mengandungi teknologi imersif (Realiti Peluasan)	1 (1.4%)	17 (24.3%)	13 (18.6%)	24 (34.3%)	15 (21.4%)	3.5	1.126

semasa aktiviti PdPc							
Saya berasa positif sebelum menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	3 (4.3%)	6 (8.6%)	34 (48.6%)	14 (20.0%)	13 (18.6%)	3.4	1.027
Saya berasa positif semasa menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	3 (4.3%)	11 (15.7%)	28 (40.0%)	18 (25.7%)	10 (14.3%)	3.3	1.04
Saya berasa positif selepas menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc.	4 (5.7%)	9 (12.9%)	22 (31.4%)	24 (34.3%)	11 (15.7%)	3.41	1.083
Saya tidak suka mengikuti aktiviti PdPc yang tidak menggunakan bahan pengajaran.	9 (12.9%)	12 (17.1%)	28 (40.0%)	13 (18.6%)	8 (11.4%)	2.99	1.161
Saya suka menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc dengan bimbingan guru.	0 (0.0%)	10 (14.3%)	25 (35.7%)	17 (24.3%)	18 (25.7%)	3.61	1.026
Penggunaan Aplikasi Tele-Marz semasa mengikuti aktiviti PdPc merupakan suatu inovasi pengajaran yang baik.	4 (5.7%)	6 (8.6%)	21 (30.0%)	20 (28.6%)	19 (27.1%)	3.63	1.144

Perbincangan

Kajian ini meneliti tanggapan kemudahan penggunaan, kebergunaan dan sikap terhadap penggunaan aplikasi ini dalam kalangan murid peralihan di Selangor. Hasil kajian bagi tanggapan kemudahan penggunaan menunjukkan penerimaan positif dalam kalangan murid peralihan terhadap penggunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu*. Respon yang tinggi ditunjukkan murid dalam soal selidik mengenai *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* mudah untuk responden berinteraksi semasa aktiviti PdPc dan murid merasakan mudah menjadi mahir mengintegrasikan teknologi imersif (Realiti Peluasan / Realiti Maya dengan menggunakan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* semasa aktiviti PdPc. Penerimaan positif ini juga selaras dengan pandangan Huda Wahida et al. (2010); Freitas dan Campos (2008) yang menjelaskan bahawa penggunaan aplikasi mudah alih dalam PdPc akan membantu dalam pembangunan pemikiran kreatif, meningkatkan kefahaman dan menukar paradigma kaedah pembelajaran murid untuk mempelajari sesuatu mata pelajaran, dalam konteks ini ia merujuk kepada mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, dapatan ini bertepatan yang merujuk kepada tanggapan kemudahan penggunaan sebagai berapa banyak usaha yang dirasakan oleh murid menggunakan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* semasa sesi pembelajaran.

Seterusnya, tanggapan kebergunaan merupakan aspek yang penting dalam mengukur sejauh mana murid percaya bahawa menggunakan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* akan bertambah baik bagi murid dalam pembelajaran. Ia juga menentukan hasrat untuk menggunakan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu*. Dalam kajian ini, murid telah menunjukkan hasrat yang tinggi dengan bersetuju dengan pernyataan item tanggapan kebolegunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* yang berkesan untuk menyelesaikan latihan pembelajaran Bahasa Melayu. Kemudian, item berkaitan penggunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* berkesan untuk mengendalikan aktiviti PdPc secara berkumpulan. Murid juga memberikan tanggapan kebolegunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* berkesan diintegrasikan dengan bahan pengajaran yang lain. Malah, penggunaan aplikasi ini berkesan bagi menjimatkan kos pentadbiran bahan pengajaran dan berkesan meningkatkan prestasi pencapaian pelajar dalam PdPc. Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* berkesan menarik minat pelajar dalam aspek berkenaan. Oleh itu, tanggapan kebergunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* berkesan untuk mengatasi pelbagai masalah berbanding dengan kaedah PdPc secara tradisional dan mampu mengatasi persaingan platform konvensional dengan mengekalkan minat murid dan menarik lebih ramai minat mereka.

Kelima-lima dapatan ini dilihat selari dengan penemuan kajian terdahulu. Penggunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* secara tidak langsung memberi ruang kepada murid menggunakan aplikasi mudah alih untuk membantu mereka memudahkan pemahaman dalam pembelajaran secara lebih mudah dan menarik. Hal ini kerana ia dapat membantu murid kelas peralihan untuk mempelajari dan menguasai kemahiran berbahasa Melayu dengan menggunakan peranti mudah alih. Selain kos yang murah, aplikasi ini yang dibangunkan dengan teknologi AR ini juga mudah digunakan kerana hanya menggunakan peranti mampu milik seperti telefon bimbit dan tablet. Tambahan pula, kaedah PdPc semasa menggunakan aplikasi ini mengambil cakna akan keperluan pembelajaran berpusatkan murid terutamanya dalam kalangan murid-murid kelas peralihan

generasi Z. Bagi situasi pengajaran yang memerlukan murid-murid kelas peralihan menggambarkan sesuatu objek yang sukar, teknologi AR dapat membantu kognitif murid-murid ini memvisualisasikan objek tersebut melalui perwakilan objek maya 3 Dimensi (3D) atau 2 Dimensi (2D) (Dayang Noorasura & Sazilah, 2011). Dapatan kajian ini juga didapati selaras dengan pandangan Kaufmann (2006) dan Juan et al. (2008) yang mana penggunaan Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu mampu memberikan pengalaman pembelajaran baharu yang menyeronokkan dan menggalakkan murid-murid kelas peralihan melakukan eksplorasi sendiri berdasarkan empat kemahiran bahasa yang dipelajari iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Selanjutnya, dapatan kajian bagi tanggapan sikap penggunaan terhadap *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* menunjukkan item yang amat dipersetujui oleh murid mengenai penggunaan Aplikasi Tele-Marz semasa mengikuti aktiviti PdPc merupakan suatu inovasi pengajaran yang baik dan diikuti dengan item saya suka menggunakan Aplikasi Tele-Marz semasa aktiviti PdPc dengan bimbingan guru. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi dalam bilik darjah bergantung terutamanya pada sikap murid terhadap alat tersebut. Sikap individu murid ini juga dipengaruhi oleh keupayaan mengadaptasi proses pembelajaran maya. Keadaan ini berlaku kerana proses penerimaan murid terhadap penggunaan sesuatu aplikasi pembelajaran baharu perlu mengambil masa (Aziz et al., 2021; Saufi et al., 2023). Justeru, murid perlu melakukan proses adaptasi dan menyesuaikan diri dengan aplikasi pembelajaran tersebut. Kenyataan ini disokong oleh Aziz et al. (2021) menjelaskan bahawa penerimaan adaptasi teknologi bergantung kepada tempoh masa diperlukan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sikap lebih berkaitan dengan kekerapan penggunaan teknologi dan jumlah penggunaan teknologi tersebut.

Kesimpulan

Kesimpulannya, *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* berpotensi dilaksanakan dalam membantu murid peralihan menguasai kemahiran berbahasa Melayu. Penggunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* sebagai inovasi dalam PdPc yang memberikan alternatif kepada guru kelas peralihan Bahasa Melayu untuk menggunakan sebuah media pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif, menarik dan berkesan. Oleh itu, *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* dalam dunia pendidikan Bahasa Melayu khususnya kepada kurikulum kelas peralihan berjaya menambah satu lagi bentuk media pengajaran dan pembelajaran sebagai alternatif yang boleh dimanfaatkan oleh para guru dan murid. Terdapat beberapa penambahbaikan yang dicadangkan untuk inovasi *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu*: antaranya, memasukkan fitur teknologi VR dan maklum balas pantas yang boleh diberikan oleh guru bagi meneliti jawapan yang dihantar oleh murid dalam aplikasi yang sama. Selain itu juga, kajian penggunaan *Aplikasi Tele-Marz: Gaya Pembelajaran Norma Baharu Bahasa Melayu* ini juga dapat ditambahbaik dengan cara pemilihan sampel, teori, lokasi, instrumen dan sebagainya bagi sebagai satu usaha menyokong KPM menangani isu kelas peralihan Bahasa Melayu.

References

- Abdul Rashid Jamian (2001). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu: Masalah dalam kalangan pelajar bukan Melayu. *Jurnal Bahasa*, 1(4).
- Agus Siswoyo & Bambang Setyobudi Irianto. (2023). Analisis technology acceptance model (TAM) terhadap pengguna aplikasi mobile banking. *Owner: Riset & Jurnal Akuntansi*, 7(2), 1196-1205.
- Ajzen, I., & Fishbein, M. (1980). *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*. Prentice-Hall, Englewood Cliffs.
- Azalya, A. (2003). *Keperluan kemahiran generik di kalangan pekerja industri elektrik dan elektronik di bayan lepas Pulau Pinang* (Tesis Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia.
- Aziz, A. R. A., Lee, U. H. M. S., & Yusof, S. N. B. M. (2021). Pembelajaran dalam talian: Strategi daya tindak terhadap tekanan akademik semasa norma baharu. *Sains Insani*, 06(2), 96-104.
- Basilaia, G., Dgebuadze, M., Kantaria, M., & Chokhanelidze, G. (2020). Replacing the classic learning form at universities as an immediate response to the COVID-19 virus infection in Georgia. *International Journal for Research in Applied Science dan Engineering Technology*, 8(3), 101-108. <https://doi.org/10.22214/ijraset.2020.3021>
- Chung, E., Noor, N. M., & Vloreen, N. M. (2020). Are you ready? An assessment of online learning readiness among university students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 9(1), 301–317.
- Craig, G. (2007). Community capacity-building: Something old, something new . . .? *Critical Social Policy*, 27(3), 335-359. <https://doi.org/10.1177/0261018307078846>
- Creswell, J. W. (2008). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (3rd ed.). Pearson Education, Inc.
- Davis, F. D. (1986). *A Technology Acceptance Model for empirically testing new end user information systems: Theory and results* (Unpublished doctoral dissertation).
- Freitas, R., & Campos, P. (2008). SMART: a Systeme of augmented reality for teaching 2nd grade students [Pembentangan kertas kerja]. Proceedings of the 22nd British CHI Group Annual Conference on HCI 2008: People and Computers XXII: Culture, Creativity, Interaction - Volume 2, Liverpool, United Kingdom.
- Huda Wahida, R., Fauziah, B., Harryizman, H., Ali Yusny, D., Haslina, M., & Norida, M. D. (2010). Using augmented reality for supporting learning human anatomy in science subject for Malaysian primary school [Pembentangan kertas kerja]. The Regional Conference on Knowledge Integration in ICT (INTEGRATION2010), 2 June 2010, Putrajaya Management, Massachusetts Institutes of Technology, USA.
- Davis, F. D., Bagozzi, R. P., & Warshaw, P. R. (1989). User acceptance of computer technology: A comparison of two theoretical models. *Management Science*, 35(8), 982-1003.
- Dayang Noorasura, A. T., & Sazilah, S. (2011). A model of mobile learning object design for concept comprehension using reciprocal teaching strategies and augmented reality. 10.1109/CSAE.2011.5952775.
- Farid, M. O., & Ajid, C. K. (1981). *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali, R. C., & Abd Halim, N. D. (2022). Kesiediaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Aplikasi Google Classroom dalam Pembelajaran Norma Baru. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 6(1), 16-31.

- Hafiza, A., & Halimah, B. Z. (2011). Visual Learning through Augmented Reality Storybook for Remedial Student. In Halimah B. Z., P. Robinson, M. Petrou & P. Oliver (Eds.). *Visual informatics: Sustaining research and innovations*. Springer Verlag Berlin.
- Juan, C., Beatrice, F., & Cano, J. (2008). An augmented reality system for learning the interior of the human body [Pembentangan kertas kerja]. Advanced Learning Technologies, ICALT '08. Eighth IEEE International Conference.
- Kaufmann, H. (2006). The Potential of Augmented Reality in Dynamic Geometry Education. *The 12th International Conference on Geometry and Graphics (ISGG)* (pp. 1-14). Salvador, Brazil.
- Kirkley, B. S. E., & Kirkley, J. R. (2004). Creating next generation blended learning environments using mixed reality, video games and simulations. *Tech Trends*, 49(3), 42-53.
- Junaidi, J., & Jailani, M. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan e-learning di kalangan pelajar-pelajar tahun empat, fakulti pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia* (Unpublished). (pp. 1-8).
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Bahrin. (2019). Amalan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) guru-guru sekolah rendah. *Jurnal IPDA*, 26, 13–24.
- Md. Rashedul Islam, Md. Rofiqul Islam & Tahidul Arafhin Mazumder. (2010). Mobile Application and Its Global Impact. *International Journal of Engineering & Technology*, 10(6), 72-78.
- Mohamad Najib, A. G. (1999). *Penyelidikan pendidikan*. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed, I., & Zulkafali, N. R. A. (2019). Keberkesanan pendekatan pedagogi terbeza dalam PdPc bahasa Melayu kelas peralihan: Satu kajian tindakan di sebuah sekolah di kuantan. *Journal of Sciences and Management Research*, 5 (2), 68-86.
- Nor Shela, & Mohd Shafie. (2019). Kepentingan Pembelajaran Abad ke 21 terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 2 (2), 71–81.
- Nur'Ainy, R., Guritno, S., & Siringoringo, H. (2013). Perceived Usefulness, Ease of Use, and Attitude Towards Online Shopping Usefulness Towards Online Airlines Ticket Purchase. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 81. 212-216. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.06.415>
- Nurhijrah Zakaria, Zuria Mahmud, & Mohd Mahzan Awang. (2019). Penggunaan bahasa melayu dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah realiti dan cabaran di sekolah pelbagai teknik. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera, dan Budaya Melayu Kedua 2019 (SAPBASBUM 2 2019)*.
- Peng, C. H., & Hamad, Z. H. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan bahasa melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 8(1), 1–12.
- Roslinda, R., & Halimah, B. Z. (2011). Designing usability evaluation methodology framework of augmented reality basic Reading courseware (AR BACA SinD) for down syndrome learner. *International Conference on Electrical Engineering and Informatics*, Bandung, Indonesia.
- Saufi, S., Razaki, M. M., Nasir, W. N. W. M., & Kamal, I. S. M. (2023). Kajian tahap tanggapan kebergunaan terhadap kaedah e-pembelajaran di kalangan pelajar institut pendidikan tinggi di Malaysia. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 2(1), 65-74.

- Saforrudin, N., Zaman, H. B., & Ahmad, A. (2012). Pengajaran masa depan menggunakan teknologi augmented reality dalam pendidikan bahasa melayu: tahap kesedaran guru. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 1-10.
- Wahid, K. A., & Samah, N. A. (2019). pembelajaran teradun berbantuan streaming video bagi meningkatkan pencapaian, minat dan persepsi pelajar dalam pembelajaran topik ruang. *Innovative Teaching and Learning Journal (ITLJ)*, 3(2), 61-79.
- Wijaya, A. K., Giyono, U., & Adha, M. M. (2020). Kontribusi Pembelajaran Pendidikan Kewarganegaraan Menggunakan Model Role Playing untuk Pengembangan Keterampilan Intelektual Siswa. *Jurnal Pendidikan Pancasila dan Kewarganegaraan*, 1(2), 130-139.
- Yeh, Y. S., & Li, Y. M. (2009). Building trust in m-commerce: Contributions from quality and satisfaction. *Online Information Review*, 33, 1066-1086. <https://doi.org/10.1108/14684520911011016>
- Yelland, N. Griesshaber, S., Strokes, J., & Masters, J. (1997). Integrating technology, teaching, and learning with early childhood professionals. *Proceeding of SITE 97*. http://www.coe.uh.edu/insite/elec_pub/HTML
- Zamri, M., Bukari, K., Sabariah S., & Rosmini, M. S. (2005). Faktor-faktor sosiolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: Satu kajian kes dalam karangan pelajar India. *Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI)*. Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.